



# Oktober

'OTAK' merupakan perkataan pilihan DMNC bulan ini memandangkan dalam melaksanakan tugas seharian, kita memerlukan penggunaan otak yang maksimum selain kekuatan fizikal.

Menurut Kamus Dewan, otak merupakan organ terpenting di bahagian atas kepala yang mengawal pemikiran dan perasaan selain merupakan alat untuk kita berfikir. Seseorang yang 'berotak' merupakan seseorang yang mempunyai fikiran, berakal dan mampu berfikir dengan sempurna.

Otak adalah benda yang sangat bernilai yang terdapat dalam diri setiap manusia. Menurut pemikir abad ke-19 Hermann Von Helmholtz - dalam menyelesaikan suatu masalah sulit, otak kita bekerja dalam tiga tahap: saturasi (pengumpulan idea), inkubasi (pengeraman idea), dan iluminasi (pencerahan).



Sebagai penjawat awam, seharusnya kita mempunyai pemikiran yang baik, waras serta berakal dalam memastikan setiap tugas yang diamanahkan mampu dilaksanakan dengan sebaik mungkin Memandangkan otak merupakan objek utama dalam kita melunaskan tugas seharian, maka adalah perlu untuk kita menjaga kesihatan otak agar sentiasa berada pada tahap keupayaan berfikir yang maksimum.

Satu perkara yang pasti, pakar motivasi seringkali mengaitkan otak yang serabut berpunca daripada kurangnya tidur. Allah sendiri ada berfirman yang bermaksud, tempoh waktu siang adalah tempoh waktu untuk kita bekerja dan begitu juga otak, dan apabila tibanya waktu malam, perlulah berehat (termasuk otak). Maka berehat itu harus ada, sekurang-kurangnya, seseorang dewasa memerlukan tempoh 6 hingga 8 jam untuk tidur. Bagaimanapun, sudah menjadi budaya sekarang apabila kita gemar menghabiskan waktu malam untuk menonton televisyen terutamanya perlawanan bola sepak, melepak bersama kawan-kawan sehingga jarum jam menunjukkan angka 2 ke 3 pagi.



Otak akan mengalami tahap saturasi ketika ia menerima banyak input-input untuk menyelesaikan masalah ini. Input-input ini mungkin merupakan pengalaman-pengalaman pelbagai jenis manusia, atau mungkin juga buku-buku, teori-teori dan sebagainya.

Setelah menerima input-input itu otak akan mengalami masa inkubasi yang mana pada ketika ini, aktiviti otak terus berkembang tetapi melalui minda di bawah sedar dan setelah habis tempoh ini barulah otak mampu menghasilkan satu keputusan atau idea-idea dalam membantu kita menyelesaikan sesuatu masalah.



Apabila ini berlaku, kita akan mudah hilang fokus terhadap kerja apabila masuk ke pejabat keesokan paginya. Selain itu, otak yang hebat juga perlu dikaitkan dengan senaman dan kecergasan selain menjaga pemakanan yang boleh menaikkan tahap pemikiran kita ke tahap yang maksimum. Perkara ini adalah sangat penting agar output kerja kita adalah di tahap yang cemerlang dan terbaik.

Akhir kata, gunakanlah otak yang dikurniakan Allah kepada kita ke jalan yang baik agar kita semua memperoleh manfaat dan kebaikan daripadanya, Insya Allah.



# Dari Meja Naib Canselor

## November

'NEKAD' merupakan perkataan pilihan DMNC pada kali ini. Menurut Kamus Dewan, nekad membawa maksud tidak mahu mengalah, cekal hati dan keras kemahuan untuk melakukan sesuatu. Namun begitu saya ingin menfokuskan kepada makna nekad dalam bidang pekerjaan kita seharian.



Setiap pekerjaan mempunyai cabarannya yang tersendiri. Namun begitu setiap pekerjaan takkan berhasil tanpa komitmen dan semangat nekad yang tinggi. Individu yang mempunyai nilai komitmen yang tinggi pasti sentiasa nekad dan pantang menyerah untuk mencapai impiannya. Hanya segelintir orang yang boleh digelar juara sejati yang akan terus berjuang walau dihambat dengan pelbagai risiko dan cabaran.



Semua itu bermula bila kita sudah nekad mahu merangsang perubahan dalam diri dan membangunkan minda kita sebagai orang berjaya. Elakkanlah akan sikap suka bertangguh. Lakukanlah setiap pekerjaan dengan penuh nekad. Sikap suka bertangguh ini merupakan satu sikap yang tidak positif dan tidak bermotivasi di mana akhirnya membawa padah pada diri sendiri. Sebagai contoh sekiranya kita menanggungkan kerja hari ini, keadaan menjadi bertambah rumit apabila kerja esok hari bercampur dengan yang kelmarinnya lalu beban kerja bertambah dua kali ganda! Jika saudara/l sekalian kini suka bertangguh, tanamkanlah keazaman tinggi mahu mengubah diri dan sebab apa kita mahu berubah. Sebagai contoh kita nekad untuk mencapai prestasi sebagai seorang pekerja yang cemerlang dan tunjukkan pada kawan-kawan lain bahawa kita juga seorang pekerja yang cekap.

Fikirkanlah...

## Disember

Untuk edisi terakhir 2009 ini DMNC memilih perkataan 'DOA'. Doa membawa maksud satu ucapan permohonan dari hambaNya kepada Allah (tuhan) dengan rendah diri dari hati yang jujur dan ikhlas bagi mendapatkan rahmat, inayah dan pertolonganNya atau menolak segala bahaya, bala dan bencana dengan cara dan adab yang tertentu. Doa bukan sahaja menjadi amalan orang Islam malah diamalkan juga oleh semua penganut agama yang lain.

Sejauh mana kita telah memperlempangkan diri kita untuk menghadapi tahun baru 2010 haruslah juga sentiasa diiringi dengan doa. Bukan mudah untuk mencapai sesuatu kejayaan tetapi apabila berjaya, adalah lebih sukar untuk mengekalkannya. Oleh sebab itu, Doa memainkan peranan yang amat besar dalam kehidupan kita seharian. Melalui doa, kita dapat sentiasa berfikir positif untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dan gemilang dalam pekerjaan kita seharian. Di samping itu kita tidak akan kecewa di sebalik kegagalan-kegagalan yang dialami malah menyedari bahawa usaha dan bekerja keras perlu dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh. Apabila tidak mendapat apa yang dihajati, kita akan memujuk hati dengan berkata bahawa, setiap kejadian itu ada hikmah yang tersirat di sebaliknya. Di sinilah kesabaran diri dan ketabahan hati menjadi perisai kepada diri kita sendiri.



Ingatlah kita tidak keseorangan dalam melayari kehidupan ini. Allah sebagai Tuhan Yang Maha Agung, tempat kita berdoa, mengadu masalah kehidupan, dan meminta perlindungan untuk keselamatan di dunia dan juga di akhirat kelak. Justeru, teruskanlah perjuangan untuk memartabatkan UniMAP dan sentiasalah berdoa moga Allah merahmati segala usaha kita.